



الجامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

jurnal **INOVASI** **MALAYSIA** (JURIM)

INSTITUT KUALITI dan PENGEMBANGAN ILMU (InQKA)

EDISI 01, ISU 02

ISSN 2600-7606

MEI 2018

JURNAL INOVASI MALAYSIA (JURIM)

Ketua Editor

Prof. Dr. Hjh Roziah Janor
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Ketua Editor Eksekutif

Dr. Aida Firdaus Muhammad Nurul Azmi
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Timbalan Ketua Editor Eksekutif

Dr. Nik Azlin Nik Ariffin
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pengurusan Jurnal

Pn. Nor Nazifah Abd. Jamil, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Hairina Ahmad Bakri, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Fairuzah Zaharos Mansor, AMN, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Lembaga Editor

Prof. Madya Dato' Dr. Hilmi Ab. Rahman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Thuraiya Mohd, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Darus Kasim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Mohd Ehsan Amin, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Shamsol Shafie, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Tn. Hj Anuar Hashim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Ust. Husaini Ab Razak, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En Abdul Manap Desa, TELEKOM, Malaysia
Dr. Zulhasni Abdul Rahim, Universiti Teknologi Malaysia
En. Razif Dasiman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Pewasit

Tn. Hj Poazi Rosdi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Nurul Nadwan Aziz, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Teh Hong Siok, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Dr. Ahmad Sufian Abdullah, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Nik Hazlan Nik Hashim, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Sairah Saien, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Norafiza Mohd Hardi, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Zaidatulhusna Mohd Isnani, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Suzanna Yusof, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
Pn. Fatin Nadzirah Zakaria, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Rasdi Deraman, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
En. Al Bakri Mohammad, Universiti Teknologi MARA, Malaysia
PM Dr. Zailani Abdullah, Universiti Malaysia Kelantan, Malaysia
En. Budiman Ikhwandee Fadzilah, Universiti Malaysia Perlis, Malaysia
Pn. Siti Lydiawati Sahmat, Universiti Malaysia Sarawak, Malaysia
Dr. Noor Afiza Badaluddin, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia
Dr. Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Universiti Sultan Zainal Abidin, Malaysia

Fotografik

En. Mohd Suhaimi Juhan, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

Laman Sesawang

Pn. Siti Nor Juhirniza Mior Mohd Tahir, Universiti Teknologi MARA, Malaysia

@Penerbit UiTM, UiTM 2018

ISSN 2600-7606

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi da isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pengarah, Penerbit UiTM, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

E-mel: penerbit@salam.uitm.edu.my

Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM) adalah jurnal dari Unit Inovasi dan Kreativiti, Institut Kualiti dan Pengembangan Ilmu (InQKA), Blok A, Tingkat 5, Bangunan Akademik 2, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. E-mail : KIK_UiTM@salam.uitm.edu.my

Pandangan pendapat dan cadangan teknikal yang dinyatakan oleh penyumbang dan pengarang adalah dari penulis sendiri dan tidak semestinya mencerminkan pandangan para editor, penerbit dan universiti.

Jurnal Inovasi Malaysia (JURIM)

Edisi 1 No. 2

Mei 2018

ISSN 2600-7606

1. **Penggunaan Alat Bantuan Belajar bagi Meningkatkan Kemampuan Berfikir Pelajar** 1
(Use of Learning Aids on Advancing Students' Thinking Ability)
Faiz Zulkifli, Rozaimah Zainal Abidin, Zurina Mansor,
Mohd Hafiz Mohamad Hamzah dan Faridah Zulkipli

2. **Kiosk dalam Talian bagi Meningkatkan Bilangan Projek Keusahawanan Pelajar (ENT300) Berasaskan Sains dan Teknologi** 23
(Online Kiosk for Improving the Number of Students' Entrepreneurship Projects (ENT300) Based on Science and Technology)
Noor Azrin Zainuddin, Shamsatuan Nahar, Norzarina Johari,
Farah Suraya Md Nasrudin, Noraisyah Abdul Aziz,
Nur Diana Zamani, Nurulzulaiha Suhadak
dan Nor Fauziah Abu Bakar

3. **Pembangunan Senarai Semak untuk Mendapatkan Data-data Sensitif (HSD) dalam Penyelidikan** 37
(Development of Checklist for Assessing Highly Sensitive Data (HSD) in Research)
Zurina Md. Nen, Nur Zafifa Kamarunzaman,
Mazlan Che Soh dan Sarina Othman

4. **Penambahbaikan Permohonan Lawatan Akademik Secara Manual kepada Pembangunan Sistem e-Lawatan Akademik Versi 1** 53
(Upgrading of the Manual Academic Trip Applications to e-Academic Trip Version 1)
 Thuraiya Mohd, Nor Azalina Yusnita Abd Rahman, Nur Hanim Ilias, Azran Mansor, Siti Fairuz Che Pin, Asma Senawi dan Nur Afni Deraman
5. **Meningkatkan Keputusan Ujian Bahasa Mandarin melalui Inovasi Aplikasi “e-Kosa Kata”** 69
(Enhancing Mandarin Test Results through the Innovation of “e-Kosa Kata” App)
 Teh Hong Siok, Goh Chin Shuang dan Noor Aizah Abas
6. **Penggunaan Aplikasi Verve App bagi Pengurusan Fasilitas Sukan Golongan Orang Kurang Upaya (OKU)** 83
(The Use of Verve App for the Disabled in Managing Navigation Sport Facilities)
 Mazlina Mahdzar, Muhammad Anwar Haziq Mohd Yunus, Nurfarah Idayu Abdul Halim dan Shamirra Zhulliana Zainal Abidin
7. **Sistem ‘Indus-Train’: Medium Pemantauan dan Penilaian Pelajar Semasa Latihan Industri** 93
(‘Indus-Train’ System: A Medium of Monitoring and Evaluation of Students during Industrial Training)
 Amminudin Ab Latif, Rohaya Alias, Mohd Fairuz Bachok, Nur 'Ain Mat Yusof, Farah Wahida Mohd Latib, Ahmad Rasidi Osman, Duratul Ain Tholibon, Ainamardia Nazarudin, Wan Zukri Wan Abdullah, Mohd Razmi Zainudin dan Mohd Risham Jaafar
8. **Penggunaan Aplikasi MApEC dalam Pembelajaran Terminologi Asas Bahasa Inggeris** 111
(The Use of MApEC in Learning English Language Terminologies)
 Rafidah Kamarudin, Muhamad Izzat Rahim, Norfazlika Abd Karim, Sharifah Sheha Syed Aziz Baftim, Zainon Ismail dan Mazliyana Zainal Arifin

**9. Kalkulator Garis Panduan Kemudahan Awam
untuk Pembangunan Perumahan Mapan
(Public Facilities Guidelines Calculator for Sustainable
Housing Development)**

125

*Norainah Abdul Rahman Nor Liza Saad,
Kamariah Abdullah, Nur Shaffiqah Muhammad Soffian,
Aizazi Lutfi Ahmad dan Nor Ashikin Ab Manan*

Meningkatkan Keputusan Ujian Bahasa Mandarin melalui Inovasi Aplikasi “e-Kosa Kata” (Enhancing Mandarin Test Results through the Innovation of “e-Kosa Kata” App)

Teh Hong Siok, Goh Chin Shuang & Noor Aizah Abas
*Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA,
40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia*

E-mel: hsteh@salam.uitm.edu.my

Received Date: 2 Mac 2018

Accepted Date: 24 April 2018

ABSTRAK

Bahasa Mandarin merupakan salah satu daripada tujuh bahasa ketiga yang ditawarkan di UiTM dan mempunyai bilangan pelajar yang paling ramai. Di sesetengah fakulti di UiTM, keputusan ujian bahasa Mandarin adalah lemah berbanding di fakulti lain. Justeru, projek ini dijalankan untuk meningkatkan keputusan bahasa Mandarin Asas 1 di sesetengah fakulti di UiTM. Kajian projek ini dilaksanakan di kampus UiTM Selangor, iaitu kampus Shah Alam, kampus Puncak Perdana dan kampus Puncak Alam. Berdasarkan analisis daripada Student Information Management System (SIMS) di UiTM, keputusan ujian bertulis bahasa Mandarin Asas 1 adalah yang paling lemah berbanding dengan ujian mendengar, ujian membaca dan projek bahasa. Selain itu, peratusan pelajar yang mendapat gred A di fakulti yang dikaji adalah kurang daripada 15% dan pelajar yang mendapat gred C adalah melebihi 30%. Sehubungan itu, aplikasi e-Kosa Kata yang menggunakan Microsoft Sway telah dibangunkan untuk membantu pelajar menghafal dan mengingat kosa kata melalui peranti digital. Borang soal selidik turut diedarkan untuk mendapat maklum balas pelajar terhadap keberkesanan e-Kosa Kata tersebut. Seramai 228 responden daripada empat fakulti mengambil bahagian dalam kajian ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat peningkatan markah ujian bertulis dan pertambahan peratusan pelajar yang mendapat gred A setelah menggunakan e-Kosa Kata. Aplikasi e-Kosa Kata juga memberi manfaat kepada alam persekitaran, pelajar, pensyarah, jabatan dan universiti. Aplikasi ini juga berpotensi

digunakan secara meluas dalam kalangan pelajar dan juga orang awam yang berminat untuk mempelajari bahasa Mandarin asas.

Kata kunci: *e-Kosa Kata, bahasa Mandarin, aplikasi, e-pembelajaran*

ABSTRACT

Mandarin is one of the seven third-language courses offered in UiTM and has the largest number of students among the seven languages. In certain faculties at UiTM, the results of the Mandarin test were poorer. Hence, this project was conducted to improve the results of Basic Mandarin 1 in certain faculties in UiTM. The study was conducted at UiTM Selangor, comprising of Shah Alam, Puncak Perdana and Puncak Alam campuses. Based on the analysis from the Student Information Management System (SIMS) at UiTM, the score of the Basic Mandarin 1 writing test was found to be the lowest compared to the scores of the listening test, reading test and language project. In addition, the percentage of students who received Grade A in the faculties for the study was less than 15% while the number of students who received Grade C was over 30%. Therefore, the e-Kosa Kata app using Microsoft Sway was developed to help students memorize and remember vocabulary through digital devices. A questionnaire was also distributed to obtain students' feedback on the effectiveness of the e-Kosa Kata. A total of 228 respondents from four selected faculties participated in the study. The findings showed that there was an increase in writing test scores and the percentage of students who received Grade A after using e-Kosa Kata. Additionally, the e-Kosa Kata app also benefits the environment, students, lecturers, departments and university. The app has the potential to be widely used among students as well as the general public who are interested in learning basic Mandarin.

Keywords: *e-Kosa Kata, Mandarin, app, e-learning*

PENGENALAN

Bahasa ketiga di Universiti Teknologi MARA (UiTM) merupakan satu subjek keperluan universiti. Kelebihan pelajar menguasai bahasa ketiga dapat memenuhi visi UiTM untuk melahirkan graduan yang berdaya saing. Terdapat tujuh bahasa yang ditawarkan di Akademi Pengajian Bahasa (APB) iaitu, bahasa Arab, bahasa Itali, bahasa Jerman, bahasa Jepun, bahasa Korea, bahasa Mandarin dan bahasa Perancis. Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Lingua TECH dari Akademi Pengajian Bahasa, Shah Alam telah memulakan projek KIK dari 15 Januari hingga 1 Oktober 2017.

Fasa mengenal pasti masalah telah dijalankan melalui kaedah sumbang saran sesama ahli kumpulan. Sebanyak lima masalah telah disenaraikan iaitu peluang bertutur terhad; keputusan ujian yang lemah bagi sesetengah fakulti; jam temu terhad; kuliah gantian sukar dilakukan dan kekangan masa untuk konsultasi. Seterusnya analisis matrik dilakukan berdasarkan kepentingan, kemampuan dan tempoh masa untuk memilih masalah projek ini. Keputusan ujian bahasa ketiga bagi sesetengah fakulti adalah lemah berbanding fakulti lain menunjukkan skor tertinggi berdasarkan rumusan analisis permasalahan. Memandangkan bahasa Mandarin mempunyai bilangan pelajar yang paling ramai (berdasarkan sistem SIMS), maka subjek bahasa Mandarin dipilih untuk projek ini.

Seterusnya, analisis keputusan ujian Bahasa Mandarin Asas 1 bagi semester Mac-Julai 2016 dan semester September 2016-Januari 2017 telah dilakukan untuk mengenal pasti fakulti yang mempunyai keputusan ujian bahasa Mandarin yang lemah. Melalui analisis keputusan ujian bahasa Mandarin tersebut, keputusan ujian bahasa Mandarin bagi Fakulti Seni Lukis dan Seni Reka (AD), Fakulti Filem, Teater dan Animasi (FF), Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (MC), Fakulti Sains Sukan dan Rekreasi (SR) dan Fakulti Muzik (MU) didapati lemah berbanding dengan fakulti lain. Namun begitu, kajian di Fakulti MU tidak dapat dijalankan kerana pensyarah berkenaan menarik diri daripada kajian ini. Analisis keputusan ujian bahasa Mandarin di keempat-empat fakulti tersebut menunjukkan bahawa markah ujian bertulis adalah rendah berbanding dengan ujian mendengar, ujian membaca dan projek bahasa. Selain itu, peratusan pelajar yang mendapat gred A adalah kurang daripada 15% dan pelajar yang mendapat gred C adalah melebihi 30%.

Berikutnya, analisis punca masalah telah dijalankan dengan menggunakan Rajah Ishikawa. Rumusan punca masalah menunjukkan punca utama masalah ialah pelajar lemah dalam ujian bertulis bahasa Mandarin, di mana platform pengajaran dan pembelajaran (P&P) atas talian dan bahan P&P adalah terhad. Menurut Lu (2000), adalah penting bagi seseorang pelajar bukan penutur natif yang belajar bahasa Mandarin pada peringkat asas menguasai kuantiti kosa kata yang banyak. Maka, aplikasi pembelajaran aplikasi “e-Kosa Kata” dibangunkan untuk menyelesaikan masalah keputusan ujian bertulis bahasa Mandarin Asas 1 bagi sesetengah fakulti. Aplikasi e-Kosa Kata juga dibangunkan disebabkan oleh kaedah pengajaran dan pembelajaran tradisional tidak dapat memenuhi pelbagai keperluan yang dikehendaki oleh pelajar (Dou, 2016). Generasi pelajar dibesarkan dalam era capaian Internet lebih bersemangat belajar melalui peranti digital (Fulton, 2012, Herreid & Schiller, 2013,). Menurut Mohammad Amiryousefi (2015), Syson *et al.* (2015) dan Ma, Qing (2017), pembelajaran kosa kata melalui aplikasi mudah alih adalah lebih menarik dan menyeronokkan.


Objektif projek ini adalah untuk membantu pelajar yang lemah dalam bahasa Mandarin di sesetengah fakulti dan menyelesaikan masalah dengan lebih cepat dan berkesan. Di samping itu, projek ini diharapkan dapat mengurangkan jurang prestasi keputusan ujian bahasa Mandarin di antara satu fakulti dengan fakulti yang lain, meningkatkan CGPA pelajar serta mengurangkan aduan sesetengah fakulti mengenai pencapaian bahasa Mandarin yang lemah. Sasaran projek ini adalah bagi meningkatkan markah purata bahasa Mandarin Asas 1 agar pelajar yang mendapat gred A mencapai 15% dan markah purata gred C di bawah 30%.

METODOLOGI

Langkah 1

Projek ini membangunkan aplikasi “e-Kosa Kata” untuk kursus bahasa Mandarin Asas 1. Kursus bahasa Mandarin Asas 1 mempunyai enam bab dalam sukatan pelajaran. Namun, kosa kata yang dibangunkan merangkumi empat bab sahaja kerana hanya empat bab tersebut yang diuji dalam ujian bertulis. Terdapat 200 kosa kata dalam keempat-empat bab, dan kosa kata

tersebut dibahagikan kepada 16 tema mengikut sifat perkataan masing-masing seperti Rajah 1:




Rajah 1: Aplikasi e-Kosa Kata Bahasa Mandarin Asas 1-16 Tema daripada Empat Bab

Langkah 2


Melalui kaedah penyelidikan dan sumbang saran, tiga aplikasi disarankan, iaitu iSpring 7 atau 8, SWAY dan Adobe Captivate. Hasilnya, aplikasi SWAY dipilih kerana ia tidak melibatkan kos berbanding dua lagi aplikasi yang dicadangkan.

Langkah 3

Merakamkan setiap kosa kata, kemudian memuat naik tajuk, gambar latar belakang, teks, aksara Cina dan terjemahan dalam bahasa Melayu serta audio satu demi satu ke dalam SWAY. Memandangkan aplikasi SWAY hanya dapat memuatkan 40 perkataan sahaja, maka 16 tema kosa kata berkenaan telah dibahagikan kepada e-Kosa Kata (1) hingga e-Kosa Kata (5) seperti yang ditunjukkan pada Rajah 1. Rajah 2 menunjukkan proses memuat naik gambar, tajuk, teks dan maksud kosa kata serta audio satu demi satu ke SWAY. Rajah 3 menunjukkan contoh antara muka kandungan e-Kosa Kata.



Rajah 2: Proses Memuat Naik Kandungan Aplikasi e-Kosa Kata



Rajah 3: Contoh Antara Muka Kandungan Aplikasi e-Kosa Kata


Langkah 4

Mendapatkan persetujuan dan kebenaran pensyarah yang mengajar bahasa Mandarin Asas 1 di fakulti AD, FF, MC dan SR untuk membenarkan pelajar masing-masing mengambil bahagian dalam kajian ini. Pautan untuk mengakses e-Kosa Kata telah dihantar melalui WhatsApp kepada pensyarah berkenaan, kemudian pensyarah memaklumkan mengenai pautan tersebut kepada pelajar melalui WhatsApp juga. Pelajar boleh mengakses e-Kosa Kata sama ada melalui telefon bimbit atau komputer riba. Rajah 4 menunjukkan pautan untuk mengakses kelima-lima segmen.



Rajah 4: Pautan E-Kosa Kata Bahasa Mandarin Asas 1

Seterusnya, langkah log masuk ke aplikasi e-Kosa Kata diterangkan kepada pensyarah dan pelajar seperti Rajah 5.



Rajah 5: Langkah Log Masuk ke e-Kosa Kata

Langkah 5


Aplikasi e-Kosa Kata bahasa Mandarin Asas 1 mula digunakan oleh pelajar pada bulan April 2017. Setelah ujian bertulis dijalankan pada penghujung bulan April, borang soal selidik diedarkan untuk mendapat maklum balas pelajar mengenai keberkesanan e-Kosa Kata bahasa Mandarin

Asas 1 pada bulan Mei 2017. Sebanyak 251 borang soal selidik diedarkan kepada responden yang mengambil kursus bahasa Mandarin Asas 1 dari empat fakulti, iaitu AD, FF, MC dan SR. Walau bagaimanapun, hanya 228 borang yang boleh diguna pakai. Analisis maklum balas kemudiannya dilakukan menggunakan *Microsoft Excel* pada bulan Jun hingga Julai 2017.

KEBERHASILAN PROJEK

Setelah para pelajar menggunakan aplikasi e-Kosa Kata dan keputusan ujian penilaian berterusan bahasa Mandarin Asas 1 semester Mac-Julai 2017 dianalisis, markah ujian bertulis bahasa Mandarin Asas 1 menunjukkan pencapaian sebanyak 50.20%. Berbanding dua semester sebelumnya, peratusan markah menunjukkan peningkatan pada semester Mac-Julai 2017, iaitu pertambahan sebanyak 10.2% daripada 40.4% ke 50.20% berbanding semester Mac-Julai 2016. Peningkatan sebanyak 3.73% juga dicatatkan pada semester Mac-Julai 2017 berbanding semester September 2016-Januari 2017 yang merekodkan pencapaian sebanyak 46.47%. Ini jelas menunjukkan keberkesanaan penggunaan aplikasi e-Kosa Kata bahasa Mandarin Asas 1 oleh para pelajar yang disasarkan, seterusnya menjadi pemangkin kepada peningkatan keputusan markah ujian bertulis bahasa Mandarin Asas 1. Rajah 6 menunjukkan perbandingan keputusan ujian bahasa Mandarin Asas 1 sebelum dan selepas menggunakan e-Kosa Kata.

Ujian Bertulis














Rajah 6: Perbandingan Keputusan Ujian Bahasa Mandarin Asas 1 Sebelum dan Selepas Menggunakan e-Kosa Kata

Dari segi perbandingan gred A dan gred C bagi kursus bahasa Mandarin Asas 1 sebelum dan selepas menggunakan e-Kosa Kata di empat buah fakulti yang dikaji, terdapat peningkatan peratusan pelajar yang mendapat gred A di keempat-empat fakulti. Fakulti FF, MC dan SR masing-masing mendapat peratusan gred A melebihi 15% iaitu 30.3%, 58.3% dan 40.63%. Walaupun peratusan gred A untuk Fakulti AD adalah di bawah 15%, iaitu 14.7%, namun terdapat peningkatan sebanyak 2.3% dan hanya memerlukan 0.3% untuk mencapai sasaran projek, iaitu gred A mencapai 15%.

Sasaran projek ini juga adalah untuk mendapatkan markah purata gred C di bawah 30%. Keputusan merekodkan penurunan peratusan pelajar yang mendapat gred C bagi Fakulti MC. Fakulti MC berjaya menurunkan peratus gred C dari 51.02% ke 15.5%. Walaupun Fakulti SR tidak mencatatkan penurunan, tetapi pelajar yang mendapat gred C masih di bawah 30%. Namun begitu, Fakulti AD dan FF tidak berjaya menurunkan markah purata gred C ke 30% atau lebih rendah. Rajah 7 menunjukkan perbandingan gred

A dan gred C bahasa Mandarin Asas 1 sebelum dan selepas menggunakan aplikasi e-Kosa Kata.

Fakulti	Gred A (%)		Gred B (%)		Gred C (%)		Gagal (%)		Jumlah Pelajar	
	Sept. 16	Mac. 17	Sept. 16	Mac. 17	Sept. 16	Mac. 17	Sept. 16	Mac. 17	Sept. 16	Mac. 17
AD	12.3 	14.7	41.8	31.0	42.62 	50.4	-	3.9	122	129
FF	12.7 	30.3 	41.27	41.8	39.68 	42.62	-	3.03	61	33
MC	6.12 	58.3 	42.86	51.52	51.07 	15.5	-	3.03	49	33
SR	10.34 	40.63 	69.97	46.9	10.34 	12.5	10.35	-	28	33

Sep 16 Sebelum menggunakan e-Kosa Kata

Mac 17 Selepas menggunakan e-Kosa Kata

Rajah 7: Perbandingan Gred A dan Gred C bahasa Mandarin Asas 1 Sebelum dan Selepas Menggunakan Aplikasi e-Kosa Kata


Objektif utama untuk meningkatkan keputusan ujian bertulis Bahasa Mandarin Asas 1 telah tercapai. Selain itu matlamat untuk membantu pelajar yang lemah dalam bahasa Mandarin di sesetengah fakulti dan menyelesaikan masalah dengan lebih cepat dan berkesan juga tercapai. Pencapaian projek boleh dirumuskan seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1:

Jadual 1: Pencapaian Sasaran Projek

SASARAN PROJEK	PENCAPAIAN
Meningkatkan keputusan Ujian Bertulis TMC401	404% (Mac 2016) & 46.47% (September 2016) → 50.2% (Mac 2017)
Meningkatkan peratusan Gred A ke 15%	FF, MC dan SR mencapai 15% ke atas AD telah menunjukkan peningkatan peratusan gred A, namun belum mencapai 15% (14.7%)
Menurunkan peratusan Gred C ke 30%	MC (51.02% → 15.5%)

Maklum balas pelajar terhadap keberkesanan aplikasi e-Kosa Kata bahasa Mandarin Asas 1 menunjukkan ia sesuai untuk mendorong pelajar

mempelajari bahasa Mandarin, membantu menjawab soalan dalam ujian bertulis dan membantu pelajar menghafal kosa kata. Rajah 9 menunjukkan keberkesanan aplikasi e-Kosa Kata daripada 228 orang pelajar.



S.12	e-Kota Kata bahasa Mandarin Asas 1 mendorong saya mempelajari bahasa Mandarin
S.13	e-Kota Kata bahasa Mandarin Asas 1 membantu saya menjawab soalan dalam Ujian Bertulis
S.14	e-Kota Kata bahasa Mandarin Asas 1 membantu saya menghafal kosa kata (seperti dalam silibus bahasa Mandarin Asas 1)
S.15	Pembahagian topik dalam e-Kosa Kata bahasa Mandarin Asas 1 membantu untuk saya menghafal kosa kata

Rajah 9: Keberkesanan e-Kosa Kata

IMPAK APLIKASI E-KOSA KATA

Aplikasi e-Kosa Kata memberi impak kepada persekitaran dengan pengurangan penggunaan kertas. Penggunaan aplikasi e-Kosa Kata sebagai bahan e-pembelajaran mengurangkan pencetakan nota dan latihan untuk bahasa Mandarin Asas 1. Pengurangan penggunaan kertas juga dapat menjimatkan kos pembelian kertas. Penggunaan aplikasi e-Kosa Kata secara tidak langsung telah meningkatkan CGPA pelajar, di mana pelajar dapat menguruskan masa dengan lebih berkesan kerana proses pembelajaran boleh berlaku bila-bila masa dan di mana-mana sahaja. Aplikasi e-Kosa Kata juga memudahkan dan mendorong pelajar membuat ulang kaji bahasa Mandarin di luar kelas. Menurut Li (2017), pelajar lebih bersemangat untuk belajar menggunakan kemudahan peranti mudah alih pada bila-bila masa

dan di mana-mana sahaja. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan keberkesanan e-pembelajaran tersebut juga dipengaruhi oleh disiplin sendiri pelajar dan pemantauan pensyarah yang ketat (Cheng, 2011).

Selain itu, penggunaan aplikasi e-Kosa Kata turut mengurangkan masa perundingan pensyarah dengan pelajar, seterusnya dapat meningkatkan produktiviti para pensyarah melalui peningkatan penglibatan dalam bidang penulisan, penyelidikan dan khidmat masyarakat. Ia juga dapat meningkatkan penglibatan pensyarah dalam e-pengajaran dan pembelajaran. Pihak fakulti juga mendapat manfaat dari segi peningkatan prestasi staf akademik serta pengurangan aduan dari sesetengah fakulti berkenaan keputusan ujian bahasa Mandarin yang lemah.

RUMUSAN

Pembangunan aplikasi e-Kosa Kata bahasa Mandarin Asas 1 berjaya mencapai objektif projek yang disasarkan iaitu untuk meningkatkan markah ujian bertulis kursus bahasa Mandarin Asas 1 dan mengurangkan jurang perbezaan markah keputusan ujian bahasa Mandarin Asas 1 di sesetengah fakulti. Di samping itu, peratusan pelajar yang mendapat gred A telah mencapai sasaran 15% dan ke atas bagi kursus ini. Pembangunan alat bantu mengajar digital ini juga dapat mendorong minat pelajar untuk belajar dan menjadikan suasana pembelajaran di luar kelas lebih kondusif dan berkesan. Aplikasi e-Kosa Kata ini berpotensi untuk dikomersialkan dan digunakan secara meluas. Adalah diharapkan agar aplikasi ini bukan sahaja dimanfaatkan dalam kalangan pelajar UiTM saja, bahkan untuk pelanggan di luar UiTM yang berminat untuk mempelajari bahasa Mandarin pada peringkat asas.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan ditujukan kepada Akademi Pengajian Bahasa (APB), para pensyarah dan pelajar yang terlibat dalam projek ini. Kami juga berterima kasih kepada penyelia KIK iaitu Prof. Madya Dr. Anealka Aziz Hussin, ahli Lingua TECH lainnya iaitu Cik Amirah Ahmad dan Pn Fauziah Saadah Abdul Halim di atas kerjasama yang diberikan serta Prof. Madya Baizura Ahmad Shah yang telah mengedit abstrak bahasa Inggeris.

PRASYARAT

1. Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat UiTM, 28 - 30 November 2017 di Institut Kepimpinan dan Pembangunan (ILD), Bandar Enstek, Negeri Sembilan (Pingat Perak).
2. Mini Konvensyen Kik Zon Tengah Uitm, 4 dan 5 Oktober 2017, di Anjung Sri Budiman, UiTM Shah Alam (Naib Johan keseluruhan; Terbaik untuk kategori Pengajaran dan Pembelajaran).

RUJUKAN

- Chen, C.H. (2011). 对外汉语网络课程教学实例分析. (Duiwai Hanyu Wangluo Kecheng Jiaoxue Shili Fenxi). *Journal of Technology and Chinese Language Teaching*, 2(2), 50-68.
- Dou, Z.H. (2016). 基于 Android 平台的汉语学习 App 现状研究 (Juyi Android Pingtai de Hanyu Xuexi App Xianzhuang Yanjiu). (Master dissertations). 中国人民大学 (Zhongguo Renmin Daxue).
- Fulton, K. (2012). Upside down and inside out: Flip Your Classroom to Improve Student. *Learning & Leading with Technology*, 39(8), 12-17.
- Herreid, C.F., & Schiller, N.A. (2013). Case studies and the flipped classroom. *Journal of College Science Teaching*, 42(5), 62-66.
- Li, H.F. (2017). 基于 Android 的对外汉语辅助学习 APP 设计与实现. (Jiyu Android de Duiwai Hanyu Fuzhu Xuexi APP Sheji yu shixian). (Master dissertations). 新疆师范大学. Xinjiang Shifan Daxue
- Lu, J.M. (2000). “对外汉语教学”中的语法教学. (“Duiwai Hanyu Jiaoxue”zhong de yufa jiaoxue). 语言教学与研究 (3) (Yuyan Jiaoxue Yu Yanjiu (3)).
- Ma, Qing (2017). Technologies for Teaching and Learning L2 Vocabulary. In Chapelle, A. C., & Sauro, S. (Ed.) *The Handbook of Technology*

and Second Language Teaching and Learning (pp. 45-61). USA: John Wiley & Sons, Inc.

Mohammad Amiryousefi (2015). Iranian EFL Learners' and Teachers' Beliefs About the Usefulness of Vocabulary Learning Strategies. *SAGE Open*, April-June 2015,1–10. DOI: 10.1177/2158244015581382

Syson M.B, Estuar R.E, See K.T. (2015). ABKD: A Multi-Media Mobile Game For Collaborative Learning of Chinese Hanzi Characters. *Chinese Studies Program Lecture Series*, 2, 46-62.